

KAJIAN SEMULA
OBJEKTIF PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Ahli-ahli Badan ini terdiri dari:

Cik Shahar Banun Jaafar	-	Perpustakaan Negara Malaysia (Pengerusi)
Puan Mariam Abdul Kadir	-	Perpustakaan Negara Malaysia
Puan Zawiyah Baba	-	Perpustakaan Negara Malaysia
Encik Abdullah Nawi	-	Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan
Puan Rohani Rustam	-	Dewan Bahasa dan Pustaka
Puan Shahaneem Mustaffa	-	Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor
Cik Halijah Othman	-	Perpustakaan Jabatan Kerja Raya (Setiausaha)

Badan Petugas ini telah dibentuk pada bulan Jun tahun 1981 atas saranan Ketua Pengarah, YB Dato' Mohd. Hashim bin Sam Abdul Latiff. Tujuan Badan ini untuk mengkaji semula objektif Perpustakaan Negara Malaysia supaya dapat memberi gambaran yang lebih jelas tentang peranan Perpustakaan Negara Malaysia dalam negara dan dapat mencerminkan objektif sebenar Perpustakaan Negara Malaysia. Sehingga ini Badan Petugas telah bermesyuarat sebanyak 8 kali khusus membincangkan syor-syor dan cadangan-cadangan yang diterima dari kakitangan ikhtisas Perpustakaan Negara Malaysia. Hasil perbincangan tersebut suatu deraf objektif baru telah disediakan. Deraf untuk mengkaji Akta Perpustakaan Negara Malaysia ini sedang dalam penelitian Badan Petugas.

PEROLEHAN BAHAN-BAHAN MALYSIANA

Satu Konsortium Perolehan Bahan-bahan Malysiana di British Library telah ditubuhkan dalam negara dengan Perpustakaan Negara Malaysia sebagai pusat penyelarasan. Institusi lain yang terlibat ialah perpustakaan-perpustakaan Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Pertanian Malaysia,

Universiti Sains Malaysia dan Dewan Bahasa dan Pustaka. Sebanyak 1,602 judul Malaysiana telah dikesan di British Library oleh Puan Zawiyah Baba, semasa beliau melanjutkan pelajaran di United Kingdom dengan bantuan seorang penuntut di London, Cik Faridah Abdul Kadir. Senarai judul-judul ini telah diedarkan kepada perpustakaan-perpustakaan berkenaan untuk semakan duplikat. Daripada 1,602 judul, didapati bahawa 1,254 judul terdapat di dalam negara dan hanya 348 judul sahaja yang tidak terdapat di mana-mana perpustakaan konsortium. Judul-judul ini akan diperolehi oleh Perpustakaan Negara Malaysia bagi pihak konsortium dalam bentuk mikrofis. Bagi judul-judul lain yang terdapat di negara akan diperolehi daripada perpustakaan-perpustakaan berkenaan.

Usaha seperti ini akan dipanjangkan ke Institusi-institusi lain di seberang laut yang mempunyai bahan-bahan Malaysiana yang lama. Sebagai permulaan Perpustakaan Negara Malaysia akan menggunakan tenaga pegawai-pegawainya yang berada di luar negeri samada yang menghadiri kursus, persidangan, seminar atau bengkel untuk mengesan bahan-bahan Malaysiana. Tetapi pada masa akan datang Jabatan ini bercadang untuk menyediakan peruntukan khas bagi menghantar pegawai-pegawai ke institusi berkenaan.

KEKURANGAN BUKU BAHASA MALAYSIA NEGARA MALAYSIA

Walaupun koleksi buku di Perpustakaan Negara Malaysia telah bertambah dengan pesatnya - iaitu dari satu angka kurang dari 4000 naskah dalam tahun 1971 ke 182,514 naskah dalam tahun 1980 - kedudukan koleksi buku-buku dalam Bahasa Malaysia tidak begitu memuaskan. Dalam tahun 1980, hanya 7% dari jumlah koleksi buku tersebut merupakan tajuk-tajuk buku dalam Bahasa Malaysia. Walau bagaimanapun, disebabkan kebanyakan tajuk-tajuk buku Bahasa Malaysia dibeli dengan beberapa salinan, jumlah buku-buku dalam Bahasa Malaysia merupakan 40% dari jumlah koleksi Perpustakaan Negara Malaysia. Angka-angka peratusan ini menggambarkan sedikit sebanyak keadaan dalam kebanyakan perpustakaan yang besar di dalam negara.